

HARI : ISNIN

TARIKH : 1/7/2019

M/SURAT : 45

## KPDNHEP rampas baju, seluar jersi tiruan bernilai RM9,438

**IPOH 30 Jun** - Sebanyak 264 helai baju jersi dan sehelai seluar tiruan pasukan tempatan berjenama terkenal bernilai RM9,438 dirampas dalam serbuan berasingan di Gerbang Malam dan Stadium Perak di sini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Khalid Tik berkata, serbuan pertama di Gerbang Malam pada pukul 9 malam kelmarin

turut disertai empat wakil cap dagang jenama berkenaan.

Menurutnya, beberapa buah premis telah diperiksa dan mendapat terdapat peniaga yang menjual baju dan seluar jersi tiruan pasukan tempatan.

"Kita telah menyita baju jersi pasukan tempatan berjenama terkenal pelbagai saiz sebanyak 46 helai dan sehelai seluar dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM1,520," katanya dalam keadaannya di sini hari ini.